

Sejauh Manakah Ketagihan Seksual Didorong oleh Kebimbangan dan Cinta Berahi dalam kalangan Mahasiswa Lelaki di Malaysia

How Far Does Sexual Addiction is Driven by Anxiety and Passionate Love in Male University Students in Malaysia

Khuldiah Iman Mohd Ghazali
Hilwa Abdullah

Program Psikologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

hilwa@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perhubungan antara ketagihan seksual, kebimbangan dan cinta berahi dan untuk melihat bagaimana kebimbangan dan cinta berahi mendorong kepada berlakunya ketagihan seksual terhadap seseorang. Kajian ini dilakukan keatas pelajar lelaki berumur diantara 18 hingga 27 tahun yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Seramai 150 pelajar lelaki yang terlibat di 4 IPTS di Selangor dan 1 IPTS di Melaka yang terlibat dalam kajian ini adalah Saito College, MSU, KDU, GMI, UniKL dan MiCOST. Kajian ini menggunakan tiga borang soal selidik iaitu Beck's Anxiety Scale (21 Items) bagi mengukur kebimbangan, Passionate Love Scale (30 Items) untuk mengukur cinta berahi dan Sexual Addiction Scale-Revised (45 Items) untuk mengukur tahap ketagihan seks seseorang individu. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan konviven dan menggunakan SPSS bagi menganalisis data daripada dapatan kajian. Kajian yang lepas menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecelaruan kebimbangan, cinta berahi dan ketagihan seks. Kajian ini mengharapkan bahawa ketagihan seks dapat dibendung dalam kalangan mahasiswa lelaki dengan mengawasi tahap kebimbangan dan cinta berahi seseorang individu dari awal supaya kes-kes jenayah seksual dapat dikurangkan pada masa hadapan. Limitasi kajian ini adalah kebanyakan responden tidak bersifat jujur tentang soalan pada bahagian ketagihan seks dan mungkin kajian yang akan datang boleh dilakukan kepada hanya mereka yang disahkan ketagih kepada seks supaya dapatan kajian dapat dilihat dengan lebih jelas.

Kata kunci: Kebimbangan, cinta berahi, ketagihan seksual, lelaki dewasa awal, ketagih

ABSTRACT

This study aims to prove the relationship between sexual addiction, anxiety and passionate love and to examine how much anxiety and passionate love gives impact on one individual's sexual addiction. This study is tested on male young adults between 18 up to 27 years group of age that is currentl studying in private universities in Malaysia. The universities involved are MSU, Saito College, KDU, GMI, UniKL and Micost. This study uses 3 sets of questionnaires which are Beck's Anxiety Scale (21 items) that is used to measure anxiety, Passionale Love Scale (30 items) that is used to measure passionate love and the last one is Sexual Addiction Screening Test – Revised (45 items) to measure sexual addiction. Convenient sample method are used in through out the data collection processes dan SPSS are then used for the data analysis processes. Previous study shows that there are significant

relationship sexual addiction, anxiety and passionate love. This study hopes that sexual addiction could be avoided among the young male adult especially universities students and to to keep watch on their anxiety and passionate love from a very young age so that sexual crime can be reduced in the future. The limitation in this study is that the respondents do not answer it whole-heartedly and are not honest while answering the questionnaires especially when answering the questions on sexual addiction. And for the next study, it should be advisable to do it on inpatient clients that are sexually addicted so we clearly see how sexual addiction are driven by anxiety and passionate love

Keywords: *Anxiety, Passionate love, sexual addiction, young male adults, addiction*

1. Pengenalan

Ketagihan seks bukan hanya tentang seks, ianya lebih daripada itu sebaliknya, ketagihan seks adalah perasaan seseorang itu yang tidak selamat, kurangnya keyakinan diri, dan keperluan diri untuk diterima dan jaminan daripada orang sekeliling terutamanya keluarga dan rakan terdekat (Jerome, 1998). Setelah beberapa abad yang lalu, ketagihan menjadi kebiasaan kepada remaja dan termasuklah pelbagai jenis ketagihan termasuk dadah, seks dan lain-lain. Sesiapa sahaja boleh mendapat ketagihan seks termasuklah seorang bapa, remaja sehinggalah ahli politik yang boleh menghadapi ketagihan seks tetapi yang membezakannya adalah corak dan cara ketagihan itu dipenuhi.

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan Polis Diraja Malaysia, statistik menunjukkan sebanyak 2124 kes rogol telah dilaporkan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak pada tahun 2015 dan kesemua mangsa rogol adalah perempuan dan melibatkan penetrasi kemaluan lelaki tanpa kebenaran. Kebanyakan mangsa (77%) merupakan mangsa bawah umur semuda bayi kurang setahun dan kebanyakan suspek (84%) merupakan suspek yang berumur 18 tahun dan keatas dan apa yang lebih menyedihkan adalah majoriti (86%) mangsa merupakan seseorang yang dikenali mangsa dan sebanyak 269 kes adalah ahli keluarga sendiri, 856 kes adalah teman lelaki sendiri dan 1064 kes adalah kenalan yang jauh.

Ramai yang terlibat dalam industri seks melibatkan semua jenis individu dari menyediakan, mempromosi dan menggunakan khidmat seks secara berbayar. Pelaku seks yang kebanyakannya lelaki dan pekerja seks kebanyakannya adalah perempuan (Teela, 2008) dikatakan mempunyai permintaan dan pembekalan yang tinggi di UK. Selain daripada pekerja seks perempuan, ramai yang mengalami ketagihan seks ini mengambil kira mangsa mereka kerana dari mangsa ini yang akan membangkitkan nafsu dan keinginan dan kepuasan untuk memenuhi ketagihan mereka akan dilaksanakan.

Kes-kes rogol seringkali didengari dan tidak lagi menjadi sesuatu yang aneh dan asing lagi kepada kita dan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Dalam Negeri Amerika Syarikat tentang Malaysia yang menyatakan secara puratanya 10 wanita dirogol setiap hari dan separuh daripadanya adalah remaja bawah umur. Dan apa yang lebih menyedihkan adalah kebanyakan mangsa rogol merupakan seseorang daripada ahli keluarga pelaku jenayah rogol tersebut dan ini akan menimbulkan isu trauma kepada mangsa rogol tersebut. Dalam kes ini, kita tidak akan melihat kepada konteks mangsa tentang pre dan post traumatik insiden sebaliknya kita akan melihat dalam konteks pelaku jenayah rogol tersebut yang majoritinya terdiri daripada lelaki.

Terdapat banyak kajian yang dilakukan untuk mengkaji kajian seksual dengan pelbagai pembolehubah disebabkan kepentingannya yang dilakukan di luar negara keatas askar, penuntut universiti dan lain-lain. Namun, masih terdapat kekurangan kajian dalam isu ini yang berada di Malaysia dilakukan keatas pelajar universiti swasta. Apabila ketagihan seksual dilihat bersama kebimbangan, terdapat banyak hubungan signifikan yang dapat

dilihat dan begitu juga apabila cinta berahi dilakukan dengan kebimbangan. Masih terdapat kekurangan dalam kajian lepas tentang cinta berahi dan ketagihan seksual dilakukan dan untuk melihat jika cinta berahi dan kebimbangan memberi kesan kepada ketagihan seksual secara langsung dan signifikan.

2. Tinjauan Literatur

2.1 *Kebimbangan dan tingkah laku seksual*

Kajian *Anxiety and Depression Among Sexual Minority Women and Men in Sweden: Is the Risk Equally Spread Within Sexual Minority Population?* Dari *The Journal of sexual Medicine* pada tahun 2017 ditulis oleh Charlotte Bjorkenstam et. al yang mengkaji tentang risiko bagi mereka yang mempunyai tingkah laku seksual yang minoriti (homoseksual dan biseksual) untuk mendapat kebimbangan dan kemurungan berbanding dengan mereka yang mempunyai tingkah laku seksual yang normal (heteroseksual). Kajian ini dijalankan ke atas 874 lesbian dan gay (homoseksual), 841 biseksual dan 67,980 heteroseksual. Kajian populasi didapati daripada data *Stockholm Public Health Cohort (SPHC)* yang membuat kajian berdasarkan kajian populasi masa panjang (longitudinal) dan sunjek seramai 50,000 individu berumur dari 18 hingga 84 tahun. . Kajian ini mendapati bahawa wanita biseksual dan lelaki gay mempunyai lebih kecenderungan untuk mendapat kebimbangan berbanding dengan rakan-rakan yang heteroseksual. Selain itu, individu biseksual dan lelaki gay didapati mempunyai diagnosis kemurungan pada masa lepas. Kesemua kumpulan minoriti dari segi tingkah laku seksual cenderung untuk mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengambil ubat bagi kebimbangan dan kemurungan berbanding dengan individu heteroseksual dan dikatakan wanita biseksual yang berisiko paling tinggi

Berdasarkan kajian *Relationships among smartphone addiction, anxiety and family relations* yang ditulis oleh Nazir S. Hawi dan Maya Samaha pada tahun 2017 yang membuat perkaitan tentang ketagihan telefon pintar, kebimbangan dan hubungan kekeluargaan. Kajian ini mendapati bahawa mereka yang mempunyai ketagihan terhadap telefon pintar akan mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi dan mereka yang mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik. Kajian ini dijalankan ke atas 700 pelajar universiti yang dipilih secara rawak daripada 7000 pelajar dan pelajar atau responden yang terpilih akan diberikan pautan untuk menjawab soal selidik dan secara keseluruhannya, 381 pelajar memberi maklum balas menjawab soal selidik. Responden yang merangkumi mereka dari umur 17 hingga 27 tahun dikenal pasti. Kajian ini menggunakan *The Smartphone Addiction Scale – Short Version* yang mengandungi 10 item yang diambil dari 33 item soal selidik asal. Selain itu, *Beck's Anxiety Inventory* digunakan bagi mengukur tahap kebimbangan responden tentang simptom yang dialami sejak sebulan yang lalu. Inventori ini mengandungi 21 item dengan 4 skala likert. Selain itu, *the Index Family Relations* digunakan bagi mengukur perhubungan keluarga responden yang mengandungi 25 item dan 7 skala likert mengenai hubungan responden dengan keluarga.

Kajian *Anxiety and Depression Among Sexual Minority Women and Men in Sweden: Is the Risk Equally Spread Within Sexual Minority Population?* Dari *The Journal of sexual Medicine* pada tahun 2017 ditulis oleh Charlotte Bjorkenstam et. al yang mengkaji tentang risiko bagi mereka yang mempunyai tingkah laku seksual yang minoriti (homoseksual dan biseksual) untuk mendapat kebimbangan dan kemurungan berbanding dengan mereka yang mempunyai tingkah laku seksual yang normal (heteroseksual). Kajian ini dijalankan ke atas 874 lesbian dan gay (homoseksual), 841 biseksual dan 67,980 heteroseksual. Kajian populasi didapati daripada data *Stockholm Public Health Cohort (SPHC)* yang membuat kajian berdasarkan kajian populasi masa panjang (longitudinal) dan sunjek seramai 50,000 individu berumur dari 18 hingga 84 tahun. . Kajian ini mendapati bahawa wanita biseksual dan lelaki

gay mempunyai lebih kecenderungan untuk mendapat kebimbangan berbanding dengan rakan-rakan yang heteroseksual. Selain itu, individu biseksual dan lelaki gay didapati mempunyai diagnosis kemurungan pada masa lepas. Kesemua kumpulan minoriti dari segi tingkah laku seksual cenderung untuk mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengambil ubat bagi kebimbangan dan kemurungan berbanding dengan individu heteroseksual dan dikatakan wanita biseksual yang berisiko paling tinggi

2.2 *Cinta dan ketagihan seks*

Berdasarkan kajian *Constructing Addiction from Experience and Context*; Peele and Brodsky's *Love and Addiction Revisited* yang dipetik dari jurnal *Sexual Addiction & Compulsivity*. Ditulis oleh Alex W. Kwee untuk mengkaji hubungan kerapatan cinta yang digelar sebagai penyakit dengan ketagihan seksual dan homoseksual dan seseorang tidak dikenali (anonymous). Terbitan buku *Love and Addiction* yang menyatakan bahawa kerapatan cinta adalah sesuatu penyakit dan kerapatan cinta ini akan menyebabkan ketagihan. Kerapatan cinta ini yang disebabkan oleh perasaan tidak selamat seseorang dan perasaan diperlukan dan memerlukan ini menyebabkan kerapatan cinta ini bertukar menjadi ketagihan seksual dan yang dalam dunia sekarang telah menukarkan cinta yang tulus kepada sesuatu yang hanya mementingkan diri sendiri dan pengalaman diri dan persekitaran kerana ketagihan tidak hanya akan berpunca dari satu faktor sahaja. Dalam kajian ini, penulis menekan jenis ketagihan seksual iaitu ketagihan seksual suci di mana lelaki muda yang ketagih terhadap seks tetapi tidak mempunyai pasangan dan hanya ketagih melibatkan diri sendiri iaitu pornografi dan beronani dan sebarang tingkah laku seks secara bersendirian. Kajian yang dilakukan oleh penulis adalah dengan melihat pengalaman yang terjadi daripada lukisan klien dan penceritaan yang diceritakan oleh mereka dimana ramai dari mereka menganggap diri mereka ketagih seksual kerana imej yang bermain dalam minda mereka oleh kerana tiada pendedahan dari keluarga dan kurangnya keharmonian keluarga dimana mereka menggunakan seks sebagai jalan keluar. Secara kesimpulannya, ketagihan bukanlah sesuatu yang kita akan hidup dengan secara tiba tiba tetapi dengan pengalaman dan pengajaran dari persekitaran yang bermulanya dengan peraan tidak selamat yang memerlukan cinta yang kemudiannya perasaan cinta yang tidak dapat dikawal yang akan bertukar kepada ketagihan seksual.

2.3 *Kebimbangan, perhubungan romantik dan ketagihan seksual*

Kajian *Attachment Styles and Male Sex Addiction* yang ditulis oleh James L. Zapf yang mengkaji tentang gaya perapatan yang romantik dalam kalangan lelaki yang menghadapi ketagihan seks. Kajian ini mendapati bahawa lelaki yang mengalami ketagihan seks mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi dalam perhubungan romantik bersama pasangan. Seramai 71 responden mengambil bahagian dalam soal selidik yang menggunakan *Sexual Addiction Screening Test* merangkumi 25 Ya dan Tidak soalan untuk mengukur ketagihan seks responden dan *Experiences in Close Relationship* mempunyai 36 item dan menggunakan 7 skala likert, 18 untuk mengelakkan dan selebihnya untuk kebimbangan. Kajian ini merumuskan bahawa kebanyakan lelaki yang mempunyai ketagihan seks akan mempunyai tahap gaya perapatan mengelakkan dan kebimbangan yang tinggi apabila dalam perhubungan romantic dengan pasangan.

3. Metodologi

3.1 *Reka bentuk dan persampelan kajian*

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang menggunakan teknik survey dan soal selidik bagi mendapatkan data dan maklumat. Kajian ini menggunakan kecelaruan

keimbangan dan cinta berahi sebagai pemboleh ubah dimanipulasi dan ketagihan seks sebagai pemboleh ubah bergerak balas. Instrumen kajian Responden kajian ini adalah mahasiswa lelaki dari universiti swasta di Malaysia berumur dari 18 hingga 27. Mahasiswa dari university MSU, KDU, Saito University College, German-Malaysia Institute dan MiCOST Melaka. Teknik persampelan konvinien digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data dari 150 responden lelaki.

3.2 Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A mengenai aspek demografi responden. Bahagian B pula mengandungi salan berkaitan tahap keseimbangan. Bahagian B ini menggunakan soal selidik Beck's Anxiety Scale yang mengandungi 21 item. Responden harus memilih mengikut kadar berlakunya simptom keatas diri mereka dari 0; tidak sama sekali, 1; sedikit (tidak mengganggu saya), 2; sederhana (sangat tidak selesa, tetapi saya boleh bertahan) dan 3; sangat teruk (saya hampir tidak dapat menahannya). Kaedah pengiraan skor adalah dengan menambah semua jumlah nilai. Tahap keseimbangan diukur dengan nilai 0-7 adalah rendah, 8-15 adalah ringan. 16-25 adalah sederhana dan 26-63 adalah teruk. Alat ujian ini dibahagikan kepada 4 dimensi iaitu neuropsikologikal, subjektif, panik dan autonomik.

Bahagian C pula mengukur tahap keseimbangan cinta dengan menggunakan alat ujian Passionate Love Scale yang mengandungi 30 item. Alat ujian ini merupakan 9 skala likert dari 1 sangat tidak setuju hingga 9 sangat setuju. Permarkahan alat ujian ini juga memerlukan pengkaji untuk menambah semua nilai item dan diukur 30-88 adalah keseronokan telah hilang, 90-130 adalah hangat, jarang bernafsu, 132-170 adalah ledakan nafsu sesekali, 172-210 adalah bernafsu tetapi tidak teruk dan yang terakhir 212 – 270 mengganas, walaupun merbahaya, jatuh cinta. Alat ujian ini dibahagikan kepada tiga dimensi iaitu komponen kognitif, komponen emosi dan yang terahir sekali komponen tingkahlaku.

Bahagian D pula untuk mengukur ketagihan seksual dengan menggunakan Sexual Addiction Screening Test – Revised yang mengandungi 45 item. Alat ujian ini adalah soalan betul salah mengikut pengalaman yang telah dilakukan oleh respondent. Alat ujian ini menyatakan jika 25 item betul menunjukkan seseorang itu menghadapi ketagihan seksual dan sebaliknya jika mendapat kurang dari nilai 25 daripada 45 item.

3.3 Kaedah pengumpulan data

Soal selidik dicetak dan diedarkan bagi tujuan pengumpulan data. data dikumpul di university-universiti dengan bantuan beberapa kawan yang berada di universiti tersebut dan mengedarkan 200 borang soal selidik kepada pelajar lelaki yang dikenali. Responden diterangkan tentang borang soal selidik terlebih dahulu dan mereka diminta untuk menjawab borang soal selidik dengan jujur dan tiada paksaan yang dilakukan kepada responden. Kerahsiaan juga ditekankan kepada responden dan mereka menjawab dengan rela hati. Pengumpulan data dilakukan selama 2 bulan kerana terdapat beberapa universiti sedang bercuti sem pada ketika tempoh pengumpulan data dilakukan.

3.4 Analisis data

Setelah proses pengumpulan data, proses menganalisis data menggunakan SPSS untuk menjawab hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan. Sebelum ujian semua dilakukan, pembersihan data dilakukan dan daripada 200 soal selidik, 50 terpaksa dibuang dan data 150 responden digunakan ke langkah yang seterusnya. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan manakala ujian bagi ujian inferensi yang digunakan adalah ujian korelasi dan ujian inferensi.

4 Dapatan dan Perbincangan

4.1 Dapatan Deskriptif

Min bagi responden kajian ini bagi kecelaruan kebimbangan ialah 13.8 di mana ianya berada pada tahap ringan dan sisihan piawai 8.6. bagi kebimbangan nilai minimum adalah 0 dimana terdapat responden yang mempunyai kebimbangan pada tahap rendah dan ada juga responden yang mendapat 43 dan berada pada tahap yang teruk. Secara keseluruhannya, 27.3% pada tahap ringan, 37.3% pada tahap ringan, 24% pada tahap sederhana dan 11.3% pada tahap teruk.

JADUAL 1. Nilai deskriptif kebimbangan, cinta berahi dan ketagihan cinta

| | Min | Sisihan piawai | Min | Max |
|-----------------|-------|----------------|------|-------|
| Kebimbangan | 13.8 | 8.6 | 0.0 | 43.0 |
| Cinta berahi | 163.5 | 58.1 | 30.0 | 258.0 |
| Ketagihan cinta | 10.1 | 7.2 | 0 | 30 |

Min bagi responden kajian ini bagi cinta berahi adalah 163.5 iaitu berada pada tahap ledakan nafsu sesekali, manakala sisihan piawai adalah 58.1 dan jumlah minimum adalah 30 pada tahap keseronokan telah hilang dan jumlah maksimum adalah 258 pada tahap mengganas, walaupun merbahaya, masih jatuh cinta. Secara keseluruhannya, 14% merasakan keseronokan telah hilang, 12% hangat tetapi jarang bernafsu, 29.3% mempunyai ledakan nafsu sesekali, 20.7% daripada mereka berfasu tetapi tidak teruk dan akhir sekali, 11.3% mengganas, walaupun merbahaya, jatuh cinta.

Nilai min bagi ketagihan seksual adalah 10.1 yang menunjukkan majoriti responden tidak menghadapi ketagihan seksual walaubagaimanapun, data menunjukkan, terdapat 6% responden mempunyai ketagihan seksual iaitu 9 daripada 150. Sisihan piawai adalah 7.2 dan nilai minimum adalah 0 dan nilai maksimum adalah 30.

4.2 Hubungan korelasi kebimbangan dengan cinta berahi dan ketagihan seksual

Hubungan korelasi digunakan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah. Ujian korelasi pearson digunakan bagi menguji hubungan kebimbangan dan cinta berahi dengan ketagihan seksual.

Hubungan korelasi kebimbangan dan ketagihan seksual

Berdasarkan rajah 2a, terdapat hubungan positif yang signifikan antara kebimbangan dan ketagihan seksual dimana $r= 0.230$ $N=150$ dan $p=0.008$. Ini menunjukkan jika kebimbangan meningkat, ketagihan seksual juga boleh meningkat.

JADUAL 2 hubungan korelasi antara kebimbangan dan ketagihan seksual

| Korelasi | | Kebimbangan | Ketagihan |
|-------------|---------------------|-------------|-----------|
| Kebimbangan | Pearson Correlation | 1 | .230** |

** $p<0.01$

Hubungan korelasi cinta berahi dan ketagihan seksual

Berdasarkan rajah 2b dibawah, terdapat hubungan positif yang signifikan antara cinta berahi dan ketagihan seksual dimana $r=0.217$ $N=150$ dan $p= 0.008$. Data ini menunjukkan jika cinta berahi meningkat, ketagihan seksesual juga akan meningkat.

JADUAL 3. Hubungan korelasi antara cinta berahi dan ketagihan seksua

| | | Cinta berahi | Ketagihan |
|--------------|---------------------|--------------|-----------|
| Cinta berahi | Pearson Correlation | 1 | .217** |

** $p<0.01$

4.3 Perbezaan antara subjek

Perbezaan antara subjek ini dilakukan untuk melihat perbezaan antara kumpulan berdasarkan pengalaman bercinta iaitu sedang bercinta, pernah bercinta dan tidak pernah bercinta. Ujian ‘one way between groups ANOVA’ dijalankan bagi tujuan analisis ini.

Dapatan 3 a – Perbezaan antara pengalaman bercinta dengan cinta berahi

Perbezaan dapat dilihat melalui pengalaman bercinta. Terdapat perbezaan secara signifikan di $p< 0.05$ apabila $F(2,147) = 6.12$, $p= 0.003$. Perbezaan post hoc menggunakan turkey HSD test menunjukkan bahawa sedang bercinta ($M=3.64$, $SD = 1.25$) mempunyai perbezaan yang signifikan dengan mereka yang tidak pernah bercinta ($M= 23$, $SD= 2.52$) dan tiada perbezaan yang signifikan dengan mereka yang pernah bercinta ($M=73$, $SD = 3.25$). ini bermaksud, cinta berahi tidak akan terkesan dan berbeza jika dibandingkan dengan mereka yang sedang bercinta dan mereka yang pernah bercinta tetapi sangat berbeza jika membuat perbandingan dengan mereka yang tidak pernah bercinta

JADUAL 4. perbezaan antara kumpulan dengan cinta berahi

| | N | Min | Sisihan piawai | Perbezaan | |
|-----------------------|----|------|----------------|-----------|-----------------------|
| Sedang bercinta | 54 | 3.65 | 1.25 | 0.40 | Pernah bercinta |
| Pernah bercinta | 73 | 3.25 | 1.33 | 0.72 | Tidak pernah bercinta |
| Tidak pernah bercinta | 23 | 2.52 | 1.31 | -1.13* | Sedang bercinta |

$P < 0.01$

Perbezaan kumpulan pengalaman bercinta dengan ketagihan seksual

Berdasarkan ujian yang dijalankan, tidak terdapat sebarang perbezaan diantara pengalaman bercinta terhadap ketagihan seksual. $F (2,147) = 0.55$, $p = 0.58$. ini menunjukkan sedang bercinta ($M= 10.76$ $SD= 7.85$), pernah bercinta ($M= 9.75$ $SD= 6.98$) dan tidak pernah bercinta ($M = 9.04$ $SD= 6.18$) tidak menunjukkan sebarang perbezaan dalam ketagihan seksual.

JADUAL 5 Perbezaan antara kumpulan dengan ketagihan seksual

| | N | Min | Sisihan piawai |
|-----------------------|----|-------|----------------|
| Sedang bercinta | 54 | 10.76 | 7.85 |
| Pernah bercinta | 73 | 9.75 | 6.98 |
| Tidak pernah bercinta | 23 | 9.04 | 6.18 |
| P < 0.01 | | | |

Pengaruh antara pembolehubah

Ujian regresi digunakan bagi melihat pengaruh antara pemboleh ubah. Ujian ini adalah untuk melihat kesan yang lebih banyak diantara pemboleh ubah kepada ketagihan seksual.

Dapatan 4 a – pengaruh dimensi kebimbangan keatas kecelaruan kebimbangan

Rajah dibawah menunjukkan pengaruh dimensi kebimbangan ke atas kecelaruan kebimbangan untuk melihat dimensi mana yang memberi kesan yang lebih signifikan kepada kebimbangan. Analisis data menunjukkan bahawa dimensi subjektif memberi kesan kepada kebimbangan sebanyak 38% (Beta = 0.38) berbanding dengan neuropsikologikal 36% (Beta = 0.36) dan autonomik dan Panik 23% (Beta = 0.23). Ini menunjukkan bahawa majoriti kejadian kebimbangan ini adalah perasaan dalaman individu yang berkaitan dengan sukar untuk bertenang, takut perkara buruk yang berlaku, takut, gentar dan takut hilang kawalan

JADUAL 6. nilai beta bagi setiap dimensi kebimbangan

| Dimensi | Nilai beta |
|-------------------|------------|
| Neuropsikologikal | 0.35 |
| Subjektif | 0.38 |
| Panik | 0.23 |
| Autonomic | 0.23 |

pengaruh dimensi cinta berahi terhadap cinta berahi

Rajah dibawah menunjukkan pengaruh dimensi cinta berahi ke atas cinta berahi untuk melihat dimensi yang memberi kesan dan pengaruh kepada cinta berahi. Analisis data menunjukkan bahawa dimensi emosi memberi kesan yang sangat tinggi kepada cinta berahi 65% (Beta= 0.65) berbanding dengan komponen kognitif 23% (Beta = 0.23) dan komponen tingkah laku 15% (Beta = 0.15). Ini menunjukkan responden banyak responden lebih mementingkan tarikan seksual, keinginan untuk bersama dan kebangkitan nafsu fisiologikal dalam cinta berahi.

JADUAL 7. Pengaruh dimensi terhadap cinta berahi

| Dimensi | Nilai beta |
|-----------------------|------------|
| Komponen emosi | 0.65 |
| Komponen kognitif | 0.23 |
| Komponen tingkah laku | 0.15 |

Pengaruh kebimbangan dan cinta berahi terhadap ketagihan seksual

Kebimbangan dan cinta berahi memberi kesan kepada ketagihan seksual sebanyak 8% ($R^2 = 0.08$) dan hubungan signifikannya, $F(2,147) = 6.57$, $p = 0.002$, $R^2 = 0.08$. nilai pekali penentuan yang terbesar adalah disumbang oleh kebimbangan kerana nilai konstan $B = 0.192$ berbanding dengan nilai konstan $B = 0.175$ bagi pemboleh ubah bebas cinta berahi.

JADUAL 8. Nilai pengaruh kebimbangan dan cinta berahi terhadap ketagihan seksual

| | | | |
|-------|--------------|-------|-------|
| R^2 | | 0.080 | sig |
| Beta | Kebimbangan | 0.192 | 0.02 |
| | Cinta berahi | 0.175 | 0.019 |
| | | | 0.033 |

5. Perbincangan

Kajian ini mendapati 9 daripada 150 responden adalah ketagih terhadap seks. Ini dikatakan bahawa 3 daripada 50 pelajar ipts menghidap ketagihan seksual. Dan 9 daripada responden ini mempunyai tahap kebimbangan sederhana dan teruk dan cinta berahi pada skala lebih dari purata. Ini dapat menunjukkan bahawa individu yang mempunyai ketagihan seksual, akan ada kebimbangan dan gaya percintaan yang berahi. Walaupun peratusan individu ketagih seksual yang sedikit, iaitu 6%, angka ini haruslah berkurangan pada masa yang akan datang. Selain itu, jumlah mereka yang mempunyai tahap kebimbangan yang teruk iaitu 11.3%, mereka harus mengetahui bahawa mereka memerlukan rawatan dengan berjumpa pakar psikologi klinikal untuk diagnosis dan rawatan yang selanjutnya. Ramai yang diantara responden juga mempunyai gaya cinta berahi yang tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa gaya percintaan ini dirasai dan diketahui apabila seseorang itu sedang bercinta atau pernah bercinta kerana emosi dan perasaan bukan lah sesuatu yang boleh dilupai.

Kajian ini juga dilakukan untuk melihat perhubungan kebimbangan dan cinta berahi dengan ketagihan seksual. Pertama sekali, Ketagihan seks bukan tentang seks, ianya lebih daripada itu sebaliknya, ketagihan seks adalah perasaan seseorang itu yang tidak selamat, kurangnya keyakinan diri, dan keperluan diri untuk diterima dan jaminan daripada orang sekeliling terutamanya keluarga dan rakan terdekat (Jerome, 1998). Setelah beberapa abad yang lalu, ketagihan menjadi kebiasaan kepada remaja dan termasuklah pelbagai jenis ketagihan termasuk dadah, seks dan lain-lain. Sesiapa sahaja boleh mendapat ketagihan seks termasuklah seorang bapa, remaja sehinggalah ahli politik yang boleh menghidapi ketagihan seks tetapi yang membezakannya adalah corak dan cara ketagihan itu dipenuhi. Terdapat banyak punca ketagihan ini boleh berlaku seperti status ekonomi yang rendah (Liam, 2010), mangsa penderaan seksual semasa kanak-kanan (Liam, 2006) dan kesihatan mental (Tiffany et. al, 2016) dan banyak diantara ini dikaitkan dengan kebimbangan, kemurungan dan gaya perapatan.

Berdasarkan kajian ini dan analisis data yang dijalankan, terdapat hubungan yang signifikan diantara kebimbangan dengan ketagihan seksual mahupun cinta berahi dan ketagihan seksual. Walaupun dalam kajian ini tidak menunjukkan perhubungan yang kuat antara kebimbangan, cinta berahi dan ketagihan seksual, antara 9 responden yang mendapat lebih daripada 25 nilai total bagi alat ujian SAST-R, mereka kesemuanya mempunyai kebimbangan sederhana dan teruk manakala tahap cinta berahi pula, berada pada tahap lebih purata iaitu tahap 3 dan keatas. Ini adalah kerana, seseorang individu yang menghadapi ketagihan seksual akan sentiasa bimbang dan keinginan untuk mempunyai hubungan percintaan yang berunsurkan nafsu dan kepuasan. Sama seperti ketagih terhadap bahan terlarang atau minuman keras, jika tidak mendapat apa yang dihajati, mereka yang ketagihan seksual akan mencuba sedaya upaya untuk mendapatkannya.

Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui komponen dan dimensi kebimbangan yang memainkan peranan yang penting keatas kecelaruan kebimbangan dan mendapati

bahawa komponen subjektif yang melibatkan perasaan dan pemikiran dalaman yang memberi kesan yang lebih daripada komponen fizikal seperti kebas atau komponen ketidakselesaan seperti jantung berdegup kencang dan autonomik seperti panas, muka merah dan berpeluh. Dalam dimensi cinta berahi pula dapat dilihat bahawa ramai daripada responden lebih menggunakan dan mementingkan komponen emosi dan dalaman berbanding dengan komponen kognitif dan komponen tingkahlaku bersama pasangan. Dan diantara kebimbangan dan cinta berahi, dapat dibuktikan melalui kajian ini bahawa kebimbangan memberikan kesan yang lebih kepada ketagihan seksual berbanding cinta berahi terhadap ketagihan seksual walaupun secara nilainya tidak terdapat banyak perbezaan. Cinta berahi yang bermula dari perasaan cinta yang kemudiannya menjadi perapatan cinta dan bertukar menjadi obses (Alex, 2007).

6 Rumusan dan Cadangan

Kajian ini dijalankan untuk melihat bagaimana kebimbangan dan cinta berahi mendorong ketagihan seksual. Kajian ini mendaapti bahawa kebimbangan lebih memberi kesan terhadap ketagihan seksual berbanding cinta berahi terhadap ketagihan seksual. Ini adalah mungkin kerana kecelaruan kebimbangan merupakan sesuatu yang tidak disenangi dan sukar untuk ditangani, mungkin dengan mendedahkan diri dengan pornografi, beronani atau melepaskan nafsu dengan mempunyai hubungan seksual secara rambang merupakan jalan untuk meredakan perasaan kebimbangan.

Kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kerana bilangan responden seramai 150 dan tidak boleh mewakili seluruh mahasiswa lelaki yang menuntut di Malaysia. Namun walaubagaimanapun, kajian ini boleh dijadikan sebagai asas bagi melihat hubungan kebimbangan dan cinta berahi dengan ketagihan seksual. Langkah awal harus dilakukan dan diambil bagi membendung masalah ketagihan seksual dalam kalangan mahasiswa lelaki yang merupakan golongan lelaki dewasa muda negara. Ini adalah kerana jika masalah ini tidak dibendung, ketagihan seksual boleh menjadi serious dan pelbagai cara boleh dilakukan oleh seseorang individu bagi memenuhi kehendak diri. Selain itu, kesedaran tentang kesihatan mental haruslah dibuat secara besar-besaran kerana kesihatan mental boleh membawa padah jika tidak dipandang dengan serious. Gaya percintaan haruslah mempunyai batas pergaulan supaya perhubungan seks atau perasaan nafsu membuak-buak untuk mengelak dari berlaku untuk berulang-ulang kali. Berbalik kepada pokok pangkal, mencegah adalah lebih baik dari merawat. Walaupun terdapat cara untuk merawat kepada masalah ketagihan seksual ini seperti 12- Step Treatment approach (Peele et. al, 1975) secara klinikal, semua pihak juga haruslah memainkan peranan yang penting dalam menjadikan negara ini tempat yang lebih baik.

Limitasi kajian ini adalah kaedah pengumpulan data konvinien dan tidak rawak atau bertumpu yang mungkin menyebabkan ketidak jujurkan jawapan daripada pihak responden. Mungkin kerana soalan yang agak ekstrem untuk budaya masyarakat Malaysia yang menyebabkan mereka segan atau merasakan soalan tidak berpatutan untuk ditanya. Selain itu, mungkin kajian seterusnya boleh dilakukan dalam kalangan responden yang disahkan ketagih seksual supaya lebih turtumpu dan berfokus. Mungkin pada masa yang akan datang, kajian boleh dilakukan untuk mengkaji sebab dan punca sebenar kenapa permasalahan ini berlaku. Mungkin kerapatan gaya perapatan, gaya hidup atau pegangan agama yang menjadi punca sebenar kepada masalah ketagihan seksual ini.

Rujukan

- Sussman, Steve, et al. (2010) Prevalence of the Addictions: A Problem of the Majority or the Minority? *Evaluation & the Health Professions*, vol. 34, no. 1, , pp. 3–56., doi:10.1177/0163278710380124.
- Marshall, Liam E., and W. L. Marshall. (2010). The Factorial Structure OfThe Sexual Addiction Screening Testin Sexual Offenders and Socio-Economically Matched Community Non-Offenders. *Sexual Addiction & Compulsivity*, vol. 17, no. 3, , pp. 210–218., doi:10.1080/10720162.2010.502073.
- Peele, Stanton, and Archie Brodsky. (2015) .*Love and Addiction*. Broadrow Publications,
- Gao, Tingting, et al. (2017) The Influence of Alexithymia on Mobile Phone Addiction: The Role of Depression, Anxiety and Stress.” *Journal of Affective Disorders*, vol. 225, 2018, pp. 761–766., doi:10.1016/j.jad.2017.08.020.
- Han, Lei, et al. (2017).Relationship between Shyness and Mobile Phone Addiction in Chinese Young Adults: Mediating Roles of Self-Control and Attachment Anxiety.” *Computers in Human Behavior*, vol. 76, , pp. 363–371., doi:10.1016/j.chb.2017.07.036.
- Hopkins, Tiffany A., et al. (2016) MMPI-2 Correlates of Sadomasochism in a Sexual Addiction Sample: Contrasting and Men and Women.” *Sexual Addiction & Compulsivity*, vol. 23, no. 1, 114–140., doi:10.1080/10720162.2015.1095137.
- Karandashev, Victor, and Stuart Clapp. (2016). Psychometric Properties and Structures of Passionate and Companionate Love.” *Interpersona: An International Journal on Personal Relationships*, vol. 10, no. 1, , pp. 56–76., doi:10.5964/ijpr.v10i1.210.
- Kwee, Alex W. (2007). Constructing Addiction from Experience and Context: Peele and BrodskysLove and AddictionRevisited. *Sexual Addiction & Compulsivity*, vol. 14, no. 3, 1 July, pp. 221–237., doi:10.1080/10720160701480535.
- Marshall, L. E., and W. L. Marshall. (2006) Sexual Addiction in Incarcerated Sexual Offenders. *Sexual Addiction & Compulsivity*, vol. 13. no. 4,377–390., doi:10.1080/10720160601011281.
- Sheets, Virgil L. (2013) Passion for Life. *Journal of Social and Personal Relationships*, vol. 31, no. 7, , pp. 958–974., doi:10.1177/0265407513515618.
- Sussman, Steve, et al. (2010). Prevalence of the Addictions: A Problem of the Majority or the Minority?” *Evaluation & the Health Professions*, vol. 34, no. 1, 3–56., doi:10.1177/0163278710380124.
- Karen Griffee, et al. 2012 The Effect of Sexual Abuse on Self-Esteem Among Adolescents: The Impact of Gender, Parental Support and Type of Perpetrator. *Sexual Addiction & Compulsivity: The Journal of Treatment & Prevention*, 27 Oct., 225–262., doi:10.1080/10720162.2012.705140.
- Hawi, Nazir S., and Maya Samaha. (2017) Relationships among Smartphone Addiction, Anxiety, and Family Relations. *Behaviour & Information Technology*, vol. 36, no. 10, July, 1046–1052., doi:10.1080/0144929x.2017.1336254.
- Chang, Edward C. (2018) Relationship between Loneliness and Symptoms of Anxiety and Depression in African American Men and Women: Evidence for Gender as a Moderator.” *Personality and Individual Differences*, vol. 120, 138–143., doi:10.1016/j.paid.2017.08.035.
- Zapf, James L., et al. (2008) “Attachment Styles and Male Sex Addiction.” *Sexual Addiction & Compulsivity*, vol. 15, no. 2, 158–175., doi:10.1080/10720160802035832.
- Boudesseul, Jordane, et al. (2016). Free Love? On the Relation between Belief in Free Will, Determinism, and Passionate Love.” *Consciousness and Cognition*, vol. 46, , pp. 47–59., doi:10.1016/j.concog.2016.09.003.
- Giordano, Amanda L., et al. (2017). Collegiate Sexual Addiction: Exploring Religious Coping and Attachment. *Journal of Counseling & Development*, vol. 95, no. 2, 135–144., doi:10.1002/jcad.12126.

Levin, Jerome D. 1998. *The Clinton Syndrome: the President and the Self-Destructive Nature of Sexual Addiction*. Prima Pub.,